


# PENEROKA



## SPMS : berkonsepkan Precision Agriculture @ Pertanian Jitu

Inisiatif yang didasari inovasi teknologi yang dipacu Internet of Things (IoT) dan Pemerksaan Revolusi Industri 4.0.

FELDA 'SMART CLASSROOM'

PAKEJ PROJEK PROGRAM PEMBANGUNAN PENEROKA MODEL KOMUNITI

INISIATIF PENDIGITALAN FELDA-SPMS

## ISI KANDUNGAN

### 02 SEKAPUR SIREH

Perutusan Pengerusi FELDA

### 03 R&D

- Inisiatif pendigitalan FELDA-SPMS
- Apa Itu E-GIS?

### 05 URUS TADBIR

Projek Sunrise : Penilaian Semula Struktur Pelaburan Felda

### 06 KEBERKATAN

#### LAPORAN # SEDEKAH300

(Kemaskini Sehingga 16 Jun 2021)

### 08 PERLADANGAN

- Inisiatif Kerajaan Membantu Pekebun Kecil Menangani Impak Kejatuhan Harga Getah
- Pengurusan Keselamatan Hasil di FPMSB Wilayah Terengganu

### 09 KOMUNITI

- Bantuan Sepanjang Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Kepada Warga FELDA
- FELDA 'Smart Classroom'

### 11 PROGRAM PEMBANGUNAN PENEROKA

Pakej Projek Program Pembangunan Peneroka Model Komuniti

## SIDANG REDAKSI

#### PENAUNG :

YB Dato' Seri Haji Idris Bin Jusoh

#### KETUA EDITOR :

Shanizar binti Ahmad Shahar

#### EDITOR :

Muhamad Fakhru Anwar Bin Omar

#### ANGGOTA REDAKSI :

Mohamad Isa Hasan  
Mohd Shariman Che Deris  
Hasyira Nadia Yugani  
Mohamad Fadzli Raja Aziz  
Hisyam bin Ahmad @Ahmaddiah  
Nurulnaida Bt Md Noh  
Nur Hazimah Binti. Rahman

#### PENASIHAT :

Dato' Amiruddin Bin Abdul Satar

#### PENOLONG

#### KETUA EDITOR :

Norhasimah Binti Mohd Nor

#### PENOLONG EDITOR 1 :

Nur Farahana Binti Shaari

SEKAPUR SIREH

# PERUTUSAN PENGERUSI FELDA

Bismillahirrahmanirrahim dan Salam mesra warga FELDA,

Alhamdulillah, syukur dipanjatkan kepada Illahi kerana FELDA kini dilihat sedang menaiki puncak untuk menuju kecemerlangan. FELDA kini sedang berada di landasan tepat dalam Pelan Pemulihan FELDA yang merupakan salah satu inisiatif Kerajaan dalam membantu FELDA untuk mengembalikan kegembiraan yang pernah warga FELDA nikmati. Saya menyera Ayuh, warga Peneroka bangkitlah bersama saya dalam merealisasikan kecemerlangan ini untuk dikecapi bersama.

Memasuki pertengahan Tahun 2021 maka genaplah setahun saya di FELDA. Ini merupakan suatu penghargaan kepada saya dalam meneraju FELDA dan sedikit sebanyak menumpang KEBERKATAN di FELDA. Sesungguhnya warga peneroka telah banyak berubah, daripada golongan penerima kepada masyarakat pemberi. Saya berbangga, sejumlah hampir RM10 juta telah berjaya dikutip hasil sumbangan sedekah peneroka sehingga Mei 2021. Nilai ini bukanlah suatu nilai yang sedikit malahan tidak terjangkau di fikiran saya, ia mampu direalisasikan oleh warga FELDA. Sumbangan ini diserahkan kepada Majlis Agama Islam Negeri-negeri dan sedikit sebanyak membantu mereka yang memerlukan dalam keadaan pandemik ini.

InshaAllah, saya yakin dengan KEBERKATAN, inisiatif-inisiatif lain seperti menambahbaik Pengurusan Sistem Kewangan dan Penyata Hutang Peneroka, Milikan Tanah LLA & Kilang melalui pengambilalihan FGV, Pengukuhan Pendidikan melalui SMART Classroom, dan penggabungan operasi perladangan FELDA dan FTP melalui FELDA Plantation Management (FPM) yang sedang digembelng ini pasti akan diper mudahkan.

Bagi meningkatkan kecekapan operasi perladangan, FELDA giat mengaplikasikan pertanian pintar melalui Smart Plantation Management System (SPMS) dengan memulakan Pembangunan SPMS pada Mac 2021 sehingga Jun 2021. Sebagai pelengkap, FELDA juga menggunakan Geospatial Information System (e-GIS) dengan mengaplikasikan pemetaan digital dan imej satelit melalui penggunaan drone. Dengan penggunaan SPMS dan e-GIS, kiraan dirian pokok bagi menentukan keperluan baja, kos buruh, kos kawalan rumpai dan meningkatkan produktiviti yang mana semuanya adalah dihujung jari. Pemetaan kedudukan fizikal keseluruhan rancangan dan lebih teruja apabila semua ini mampu dilihat secara Virtual di dalam sistem. Pembangunan Sistem e-GIS ini dilaksanakan dalam 9 fasa pembangunan yang melibatkan sebanyak 324 rancangan FELDA termasuk 7 rancangan tiada peneroka bermula tahun 2010 sehingga tahun 2015. Dan kini FELDA dari semasa ke semasa menambahbaik sistem e-GIS yang secara tidak langsung memberi impak kepada penyelesaian isu pewarisaran.

Namun begitu, dalam meniti landasan kecemerlangan, ada rancangan-rancangan yang sedang bersengkang mata membantu mangsa-mangsa yang berada di kawasan PKPD akibat Pandemik COVID-19 yang masih berlarutan. FELDA telah menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan untuk mencari titik penyelesaian di atas permasalahan yang menimpah kepada meraka-mereka yang terputus bekalan makanan. "Gerobok Kongsi Rezeki" diperkenalkan di setiap rancangan yang bermotifkan perkongsian rezeki dan "Ambil Apabila Perlu, Beri Apabila Lebih". Saya menyera kepada warga PENEROKA, jaga keselamatan diri dan keluarga kerana kita tidak mengetahui di mana virus berada.

Akhir kata, bersama-sama kita menantikan kemanisan pada tahun 2022 untuk kita sama-sama menuai hasilnya. Namun apa yang lebih penting adalah KERJASAMA untuk kita realisasikan FELDA sebagai Syarikat Perladangan No. 1 di Malaysia. Ayuh, warga FELDA, bersama-sama kita jayakan kerana FELDA Berhak HEBAT!!!

#### YB DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH PENGERUSI FELDA



#### REKABENTUK DAN CETAKAN :

Gigewise Network Sdn Bhd

No. 74, Jalan Kapar 27/89,  
HICOM Heavy Industrial Park

Seksyen 27, 40400 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan

Tel: 03-5191 1115 Fax: 03-5191 1004

✉ Giga Wise Network Sdn Bhd ⚑ www.gigaprint2u.com



# INISIATIF PENDIGITALAN

*Smart Plantation Management Solution  
(SPMS)*

Pembangunan SPMS bermula Mac 2021 sehingga Jun 2021

Solusi pertanian persis atau pertanian digital menggunakan dron dalam penghitungan dirian pokok sawit dan inventori perladangan.

Mengemaskini lapisan dirian pokok, 'plant health' dan poin 'vacant' ke dalam Sistem e-GIS serta membangunkan aplikasi e-GIS Dashboard dan Aplikasi Mobil untuk kegunaan pengurusan FELDA dan Perladangan.



## Keperluan SPMS :



## Fasa 1

**ZONE 1** » Alor Setar, Trolak & Raja Alias

Jengka, Mempaga & Kuantan **ZONE 2**

**ZONE 3** » Terengganu & Gua Musang

Segamat & Johor Bharu **ZONE 4**


# FELDA

## LAPORAN SPMS

*Smart Plantation Management Solution 14 April 2021*

Pembangunan SPMS bermula Mac 2021 sehingga Jun 2021

Satu sistem lot yang memenuhi kehendak perladangan menjurus ke arah IR 4.0. Semua data dan maklumat terkini dihujung jari.



# PEMETAAN DIGITAL TANAH RANCANGAN FELDA

## DENGAN TEKNOLOGI E-GIS

Anda semua dapat bayangkan saat melangkah masuk ke rancangan FELDA yang tersusun serta indah landskapnya terutama di kawasan kampung ladang. Saat berada di tanah rancangan FELDA pasti membuat anda kagum dan berbangga bahawa terdapat tanah rancangan yang terancang ekosistemnya. Lebih teruja apabila geografi rancangan FELDA dapat dilihat dalam bentuk digital yang lebih berteknologi dan boleh diakses menggunakan aplikasi maya.



Modul utama sistem ini adalah merangkumi maklumat kampung dan ladang. Tujuan utama dibangunkan sistem ini adalah untuk memudahkan FELDA membuat semakan, memantau dan melaksanakan perancangan kerja menggunakan data digital dan lebih berteknologi.

### Komponen utama e-GIS

Pelaksanaan sistem ini mengandungi tiga komponen utama iaitu:



Pembangunan Sistem e-GIS ini telah dilaksanakan dalam 9 fasa pembangunan yang melibatkan sebanyak 324 rancangan FELDA termasuk 7 rancangan tiada peneroka.

FASA	TAHUN	RANCANGAN
1 - 4	2010-2012	100
5 - 9	2013-2015	224



**Pemetaan digital menggunakan teknologi GPS-GIS di rancangan** adalah kerja melibatkan pemetaan kedudukan fizikal keseluruhan rancangan. Pemetaan ini dibahagikan kepada dua kawasan utama iaitu kawasan kampung dan ladang.



Selepas pemetaan digital, fasa seterusnya adalah **Proses maklumat GIS** di mana kesemua maklumat GIS yang diperoleh akan diproses untuk dijadikan satu lapisan maklumat yang lengkap. Sebanyak 27 lapisan maklumat geografi di dalam GIS FELDA yang menggabungkan bersama dengan Pelan Akui (PA) dan maklumat asas peneroka yang terdapat di dalam Modul Settler, Land And Plantation (SLP) yang terdapat di dalam Sistem Komputer Berintegrasi FELDA (SKB).

Proses seterusnya ialah **Pembangunan GIS berdasarkan web**. Dengan penggabungan maklumat GIS bersama-sama PA dan maklumat SLP seterusnya menghasilkan satu sistem pemetaan digital yang lengkap dan terkini serta mampu diakses oleh semua petugas secara intranet.

Data GIS ini telah membantu FELDA dalam mengemaskini maklumat yang terdapat dalam SLP memandangkan peta lot tersebut dirujuk berdasarkan maklumat PA daripada Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM).

### Rasional e-GIS diselenggara

- **DATA GIS FELDA** tidak dikemaskini semenjak Mac 2017 sehingga kini.
- Terdapat maklumat dan peta-peta yang perlu dikemaskini terutamanya bagi kawasan yang terlibat dengan penanaman semula bermula dari tahun 2013 - 2019.
- Terdapat banyak infra dan projek baru yang dibangunkan di dalam perimeter rancangan yang perlu dipaparkan di dalam **GIS FELDA** ini.



# PROJEK SUNRISE : Penilaian Semula

## Struktur Pelaburan FELDA

Pembentangan Kertas Putih yang bertajuk Ke Arah Kelestarian Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) di dalam Dewan Rakyat pada 10 April 2019 telah menyentuh mengenai kedudukan pelaburan FELDA pada bab ketiga (3). Ia turut melampirkan satu laporan penemuan kajian forensik yang telah dilaksanakan oleh Tetuan Ernst & Young bagi skop kajian di antara tahun 2010 sehingga 2018. Ternyata, pembentangan ini telah memperincikan masalah dan impak kewangan yang membimbangkan hasil daripada keputusan-keputusan pelaburan yang lemah dan kegagalan tadbir urus dalam tempoh tersebut. Isu ini telah menjadi hangat di kalangan masyarakat dan menuntut tindakan penyelesaian segera dilaksanakan. Hasilnya, melalui perbincangan, kajian, perancangan dan dengan kelulusan Lembaga, FELDA telah melancarkan apa yang dinamakan Projek Sunrise.

### Definisi dan Identifikasi Masalah

Sunrise bermaksud terbit matahari (fajar), tanda hari baru akan bermula. Projek ini bertujuan untuk menilai dan menstruktur semula semua pelaburan-pelaburan yang dilaksanakan di bawah Kumpulan FELDA terutama yang bersifat komersial. Pelaburan FELDA yang berada di dalam kemendungan, perlu mencari sinar dan semangat baru untuk kembali gagah melangkah semula mencapai keuntungan yang memberi kepentingan kepada FELDA. Sehingga suku keempat tahun 2019, kedudukan pelaburan Kumpulan FELDA dapat dikategorikan di bawah beberapa sektor seperti hartaanah, hospitaliti dan pegangan pelaburan dengan melibatkan sebanyak 31 syarikat (tidak termasuk FELDA Asset Holdings Company Sdn Bhd, FELDA Plantation Management Sdn. Bhd (FPMSB) dan FGV Holdings Berhad (FGV). Sebagai makluman, sejumlah RM4.4 billion telah dibelanjakan sejak tahun 2011 hingga 2018 bagi tujuan pelaburan ini. Malangnya, tidak semua pelaburan ini membawa hasil yang diharapkan malah ada yang disifatkan sebagai pelaburan yang gagal.

Sehingga akhir 2018, nilai pelaburan-pelaburan ini telah mencatatkan kerugian sebanyak RM2.2 billion dan FELDA terpaksa melaksanakan penjejasan atas pelaburan ini di samping perlu menanggung hutang dengan institusi kewangan yang tinggi. Selain itu, FELDA juga terpaksa menghadapi kes-kes mahkamah yang melibatkan tuntutan atau pertikaian syarikat, berlakunya isu kelemahan tadbir urus korporat dan isu integriti dalam proses perlaksanaan pelaburan. Secara langsung,

# FELDA

- Tanah Bukit Katil
- Grand Borneo Hotel
- Grand Plaza Services Apartments, London
- Saham IRIS Corporation Berhad
- Institut Penilaian Negara (INSPEN)
- Felda Technoplant Sdn. Bhd. (FTPSB)
  
- Felda Carivative Sdn. Bhd.
- Felda Korea Malaysia Sdn. Bhd.
- Felda Wellness Sdn. Bhd.
- Global Settlers Sdn. Bhd.
- FELDA Transformational
  
- Grand Plaza Kensington, London
- Felda House, Wembley
- Grand Felda House
- Merdeka Palace Hotel
- Grand Beach Resort, Port Dickson
- Saham Encorp Berhad
- Saham Barakah Offshore
- Tanah Desaru
  
- Perumahan Felda Sdn. Bhd.
- FIC Integrated Property
- Management Sdn. Bhd.
- FIC Supplies Sdn. Bhd.
- FIC Management House Pte. Ltd.
- FIC Global Ltd.
- FIC Hospitality Management Sdn. Bhd.
- Felda Broadband
- FIC Kuching Sdn. Bhd.

Carta 1: Senarai syarikat dan aset dalam pelaburan FELDA selepas penyenaraian FGV




semua perkara ini telah terdedah kepada pengetahuan masyarakat dan menjasaskan imej FELDA sebagai agensi kerajaan.

Bagi menangani isu ini, Jawatankuasa Projek Sunrise telah ditubuhkan untuk merancang dan menggariskan beberapa inisiatif dan pelan tindakan yang perlu dilancarkan segera terhadap semua anak syarikat dan pembelian aset yang terlibat di bawah pelaburan ini. Carta 1 di bawah menunjukkan senarai syarikat yang telah ditubuhkan dan aset yang telah dibeli dengan tujuan pelaburan dalam pelbagai aktiviti perniagaan selepas penyenaraian FGV di Bursa Malaysia pada 2012.

### Inisiatif Dan Pelan Tindakan

Setelah meneliti semua permasalahan, strategi dan pelan tindakan mula digarisbawahi. Beberapa inisiatif Projek Sunrise telah dikenalpasti dan dipersetujui di peringkat Lembaga FELDA untuk dilaksanakan. Inisiatif-inisiatif ini pula dipecahkan kepada beberapa klasifikasi seperti berikut:-



#### PENILAIAN SEMULA ASET

Inisiatif ini lebih menumpukan kepada pelaburan di dalam aset hartaanah di Malaysia dan United Kingdom serta pegangan saham di dalam syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia iaitu IRIS Corporation Berhad (IRIS). Bagi hartaanah, penilaian strategik ini akan mengenal pasti sama ada aset-aset ini sesuai untuk dijual atau disimpan oleh FELDA. Manakala pegangan saham di dalam IRIS telah dijual sepenuhnya pada tahun 2019.

#### PEMBUBARAN SYARIKAT

Inisiatif ini melibatkan syarikat-syarikat yang sudah tidak beroperasi, mempunyai kes mahkamah, tiada pulangan pelaburan dan mengalami kerugian berterusan serta mempunyai kedudukan kewangan yang terjejas. Sehingga kini, beberapa syarikat sama ada secara terus dipegang oleh FELDA secara langsung atau yang berada di bawah pegangan kumpulan FELDA Investment Corporation Sdn Bhd (FIC) telah dikenalpasti dan proses pembubaran syarikat sedang dilaksanakan.

#### PENJUALAN SYARIKAT ATAU PELEPASAN PEGANGAN SAHAM SYARIKAT


Terdahulu pelaburan FELDA dan FIC yang telah dilaksanakan di dalam anak-anak syarikat melalui kaedah pegangan saham hasil daripada kerjasama, pemilikan saham atau sebagai syarikat pegangan pelaburan di dalam pembelian saham di dalam syarikat. Walau bagaimanapun, didapati syarikat-syarikat ini tidak memberikan pulangan pelaburan yang baik, malah terdapat syarikat yang mengalami kerugian dan wujud konflik kepentingan di antara syarikat-syarikat ini dengan FELDA. Oleh itu, tindakan melepaskan pegangan saham, penjualan syarikat (management buyout) dan proses arbitrase adalah pilihan dalam menjaga kepentingan FELDA.

#### PENYUSUNAN SEMULA HALATUJU PELABURAN

Strategi ini pula melibatkan syarikat-syarikat yang telah diteliti dan dikenalpasti untuk penstruktur semula halatuju pengurusan dan operasinya. Perancangan dan pemantauan berterusan akan dilaksanakan bagi memastikan syarikat-syarikat ini memberi kepentingan kepada FELDA.

# #SEDEKAH

(Kemaskini Sehingga)



**JUMLAH KESELURUHAN**  
**RM 9,852,418.30**

<b>Johor Bahru</b> RM 2,632,367.70 49.99%	<b>Jengka</b> RM 1,129,673.00 25.18%	<b>Segamat</b> RM 942,949.10 27.53%
<b>Terengganu</b> RM 1,282,510.55 57.31%	<b>Kuantan</b> RM 1,128,498.00 24.99%	<b>Raja Alias</b> RM 650,801.00 13.20%
<b>Alor Setar</b> RM 482,950.55 39.83%	<b>Mempaga</b> RM 600,276.00 15.25%	<b>Gua Musang</b> RM 380,431.00 40.72%
<b>Trolak</b> RM 348,471.40 14.80%		<b>Sahabat</b> RM 273,490.00 55.35%

<b>Jengka</b> RM 1,129,673.00 25.18%	<b>Segamat</b> RM 942,949.10 27.53%
<b>Kuantan</b> RM 1,128,498.00 24.99%	<b>Raja Alias</b> RM 650,801.00 13.20%
<b>Mempaga</b> RM 600,276.00 15.25%	<b>Gua Musang</b> RM 380,431.00 40.72%
	<b>Sahabat</b> RM 273,490.00 55.35%

<b>Alor Setar</b> (Teloi Timur) RM 189,365.00 103.48%
<b>Terengganu</b> (Neram 1) RM 201,462.88 103.47%
<b>Johor Bahru</b> (Sungai Mas) RM 154,391.00 73.84%

# H300

( sehingga 16 Jun 2021)

## JUMLAH KUTIPAN

<b>Raja Alias</b> (Sungai Kelamah) <b>RM 123,600.00</b> 102.23%	<b>Johor Bahru</b> (Bukit Aping Timur) <b>RM 115,000.00</b> 70.34%
<b>Terengganu</b> (Kerteh 2) <b>RM 124,298.00</b> 129.07%	<b>Johor Bahru</b> (Lok Heng Timur) <b>RM 129,400.00</b> 91.97%
<b>Terengganu</b> (Kerteh 1) <b>RM 114,758.51</b> 95.63%	<b>Terengganu</b> (Mengkawang) <b>RM 100,674.00</b> 102.00%
<b>Johor Bahru</b> (Air Tawar 4) <b>RM 100,000.00</b> 65.10%	

TOP 20  
(KUTIPAN)

## JUMLAH KUTIPAN

<b>Alor Setar</b> (Chuping) <b>RM 85,638.00</b> 63.86%	<b>Johor Bahru</b> (Sening) <b>RM 94,216.00</b> 62.19%
<b>Jengka</b> (Jengka 11) <b>RM 95,800.00</b> 60.37%	<b>Johor Bahru</b> (Air Tawar 5) <b>RM 81,470.00</b> 46.11%
<b>Johor Bahru</b> (Kledang) <b>RM 84,390.00</b> 74.03%	<b>Johor Bahru</b> (Bukit Ramun) <b>RM 93,000.00</b> 95.98%
<b>Segamat</b> (Pemanis 1) <b>RM 85,906.60</b> 57.27%	

TOP 20  
(PERATUS%)

## JUMLAH KUTIPAN

<b>Terengganu</b> (Selasih) <b>RM 52,556.65</b> 110.88%	<b>Terengganu</b> (Kerteh 2) <b>RM 124,298.00</b> 129.07%	<b>Sahabat</b> (Sahabat 3) <b>RM 56,510.00</b> 100.20%
<b>Raja Alias</b> (Sungai Kelamah) <b>RM 123,600.00</b> 102.23%	<b>Sahabat</b> (Sahabat 2) <b>RM 53,400.00</b> 100.00%	<b>Alor Setar</b> (Teloj Timur) <b>RM 189,365.00</b> 103.48%
<b>Gua Musang</b> (Chiku 6) <b>RM 42,750.00</b> 98.96%	<b>Terengganu</b> (Mengkawang) <b>RM 100,674.00</b> 102.00%	<b>Terengganu</b> (Belara) <b>RM 66,875.00</b> 107.17%
	<b>Terengganu</b> (Neram 1) <b>RM 201,462.88</b> 103.47%	

TOP 20  
(PERATUS%)

## JUMLAH KUTIPAN

<b>Kuantan</b> (Felda Selendang 2) <b>RM 38,750.00</b> 97.85%	<b>Johor Bahru</b> (Lok Heng Timur) <b>RM 129,400.00</b> 91.97%	<b>Johor Bahru</b> (Tenggaroh 6) <b>RM 76,000.00</b> 93.48%
<b>Gua Musang</b> (Perasu) <b>RM 70,200.00</b> 95.90%	<b>Johor Bahru</b> (Tenggaroh 3) <b>RM 54,050.00</b> 94.33%	<b>Terengganu</b> (Kerteh 1) <b>RM 114,758.51</b> 95.63%
<b>Johor Bahru</b> (Bukit Ramun) <b>RM 93,000.00</b> 95.98%	<b>Kuantan</b> (Felda Selancar 05) <b>RM 25,800.00</b> 95.56%	<b>Jengka</b> (Jengka 25) <b>RM 41,400.00</b> 90.79%
	<b>Johor Bahru</b> (Tenggaroh 7) <b>RM 24,000.00</b> 88.89%	

# CABARAN PROJEK SUNRISE

Perlaksanaan projek ini sudah pasti menemui pelbagai cabaran yang dipengaruhi oleh persekitaran semasa sama ada di dalam Malaysia atau isu-isu yang sedang melanda dunia. Keadaan ini akan memberi kesan kepada garis masa, kaedah, halatuju dan keputusan terhadap perlaksanaan projek bagi setiap syarikat yang disasarkan. Di antara cabaran yang dihadapi di dalam perlaksanaan projek ini adalah seperti berikut:-



## KRISIS

Ketika artikel ini ditulis, Malaysia dan dunia sedang dilanda krisis pandemik Covid-19. Krisis ini telah memberi kesan kepada keputusan tindakan terhadap aset dan syarikat FELDA yang terlibat secara langsung di dalam sektor hospitaliti dan hartaanah. Ianya menjelaskan pelan perancangan terhadap aset-aset hartaanah FELDA yang terlibat dalam industri pelancongan dan makanan. Walaupun FELDA ada menerima beberapa tawaran pembelian terhadap hartaanah milik Kumpulan FELDA, pengurusan perlu berhati-hati dalam membuat pilihan terutama dalam penilaian hartaanah semasa dan nilai masa hadapan selepas krisis berakhir. FELDA juga akan sentiasa peka terhadap perkembangan krisis bagi menentukan masa yang sesuai untuk bertindak serta perancangan-perancangan lain di masa hadapan.



## PEMBUBARAN

Bagi syarikat yang terlibat dalam pembubaran, pengurusan mendapati bahanaw proses pencairan dan urus tadbir korporat bagi tujuan ini dijangka mengambil tempoh masa yang panjang. Maklumat yang diterima daripada pihak perundungan/pegum dan liquidator (penyelesaian penutupan syarikat) yang dilantik memaklumkan bahawa jangka masa bagi sesebuah syarikat untuk dibubarkan adalah kurang lebih satu (1) tahun. Bagaimanapun, tempoh masa ini tidak termasuk syarikat-syarikat yang mempunyai kes-kes mahkamah. Proses pembubaran bagi syarikat sebegini hanya boleh dilaksanakan selepas keputusan mahkamah diperolehi. Bagi syarikat yang terlibat dengan perniagaan luar negara dan membuka syarikat di luar negara seperti di Korea, pengurusan merancang untuk menggunakan kuasa mahkamah bagi tujuan pembubaran ini.

Selepas ini, FELDA perlu sentiasa berhati-hati dalam membuat keputusan di dalam halatuju pelaburan dan keputusan ini wajib dielakkan daripada kegagalan integriti. Diharapkan agar isu-isu yang telah berlaku sebelum ini menjadi iktibar dan pengajaran besar kepada seluruh warga FELDA. Pelaburan bukanlah sesuatu yang mudah dan ianya sentiasa dikelilingi dengan risiko dan pulangan (sama ada baik atau tidak). Sesiapa sahaja tidak seharusnya cuai atau tamak dalam melaksanakan pelaburan, dan sentiasa mengingati pesanan Warren Buffet - *"There are two rules in investment, rule number 1 is – don't lose money, and rule number 2 is – don't forget rule number 1"*.

Projek Sunrise adalah inisiatif yang amat penting bagi menstruktur dan memulihkan semula kedudukan pelaburan FELDA. Semoga usaha ini dapat memulihkan kedudukan kewangan FELDA dan mengembalikan FELDA ke zaman kegemilangannya.



## Kesimpulan dan Harapan

Cadangan bagi semua jenis pelaburan bagi sesebuah organisasi samada badan kerajaan atau swasta wajib menjalani proses kebolehlaksanaan (due diligence) secara terperinci, teliti dan mendalam. Kertas cadangan ini juga wajib melalui tapisan penilaian risiko dan sesetengah cadangan wajib melalui tapisan penilaian oleh pihak integriti. Bagi organisasi FELDA, kertas cadangan ini perlu dibawa kepada Jawatankuasa Kecil Pelaburan dan kemudian dibentangkan di dalam Jawatankuasa Pelaburan FELDA sebelum diangkat ke dalam Mesyuarat Lembaga FELDA untuk kelulusan. Proses ini adalah bagi mematuhi Polisi Pelaburan FELDA versi 2.0 bertarikh 25 Ogos 2020. Terkini, proses ini semakin diperketatkan pemantauannya di mana cadangan pelaburan yang memerlukan penubuhan syarikat baru di bawah organisasi Badan Berkanan wajib memperolehi kelulusan daripada Kementerian Kewangan (MOF) dan dibawa kepada pengetahuan Menteri yang bertanggungjawab terhadap FELDA.



# Insetif Kerajaan Membantu Pekebun Kecil Menangani Impak Kejatuhan Harga Getah

Insetif Pengeluaran Getah (IPG) merupakan inisiatif yang dilaksanakan oleh kerajaan bagi membantu pekebun kecil getah di negara ini menangani impak kejatuhan harga getah ke atas pendapatan mereka supaya pekebun kecil getah dapat terus menoreh sewaktu harga getah rendah di pasaran. Kerajaan semasa pembentangan Bajet 2015 pada 10 Oktober 2014 telah mengumumkan peruntukan RM 100 juta untuk pelaksanaan IPG bagi semua pekebun kecil getah di Malaysia.

Pelaksanaan IPG akan aktif sekiranya harga getah pasaran jatuh di bawah Paras Harga Pengaktifan (PHP) ataupun harga siling bagi pengaktifan IPG yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Bermula 01 Januari 2019, kadar PHP yang telah ditetapkan bagi SMR 20 (FOB) ialah RM 6.10/kg manakala bagi cuplump ialah RM 2.50/kg. Kadar IPG akan diberikan mengikut perbezaan harga antara harga pasaran dan PHP. Contoh perlaksanaan IPG adalah seperti berikut:

Purata Harga Bulanan		Pengaktifan IPG	Tuntutan Pekebun Kecil
SMR20	Getah Sekerap (cuplumps)		
RM 6.60	RM 2.60	Tidak Aktif	Tiada IPG
RM 7.19	RM 2.89	Tidak Aktif	Tiada IPG
RM 6.00	RM 2.30	Aktif	IPG Teraktif. IPG akan dibayar sebanyak RM0.20 sen untuk setiap kilogram cuplumps
RM 4.70	RM 1.65	Aktif	IPG Teraktif. IPG akan dibayar sebanyak RM0.85 sen untuk setiap kilogram cuplumps

Status jumlah pembayaran IPG yang dituntut melalui FELDA bagi tempoh 2018 – 2020 yang melibatkan 55 rancangan getah berhasil ialah sebanyak RM 51,925,117.31. Pecahan mengikut tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan Tuntutan	Bayaran (RM)
2018	50,582	9,649,548.79
2019	66,829	17,440,710.59
2020	64,211	24,834,857.93
<b>Jumlah</b>	<b>181,622</b>	<b>51,925,117.31</b>

\*Sumber : Unit Kewangan dan Akaun (UKA) LGM

Rancangan FELDA akan menuntut IPG bagi pihak peneroka yang layak pada setiap bulan IPG diaktifkan. Syarat kelayakan penerima IPG oleh LGM adalah seperti berikut:



## PROSES PERMOHONAN IPG



Selain IPG, peneroka FELDA juga turut meraih manfaat daripada Skim Penangguhan Sementara Kutipan Ses Getah (PSG) ketika kejatuhan harga getah di pasaran. Seperti sedia maklum, setiap peneroka yang menjual getah akan terlibat dengan kutipan ses sebanyak 13.92079 sen/kg yang mana 9.92079 sen/kg untuk tabung tanam semula (Tabung Wang SES) dan 4.00 sen/kg untuk penyelidikan. Tabung wang SES diuruskan oleh RISDA manakala penyelidikan diurus oleh Lembaga Getah Malaysia (LGM).

PSG ialah pemulangan semula SES sebanyak RM13.92079 sen/kg yang telah dikutip semasa jual beli getah untuk setiap bulan yang diaktifkan. PHP untuk pengaktifan PSG yang ditetapkan adalah pada harga purata bulanan SMR 20 (FOB) sebanyak RM 5.50/kg dan ke bawah. Sekiranya harga pasaran jatuh di bawah PHP, rancangan FELDA akan membuat tuntutan PSG bagi pihak peneroka yang layak kepada RISDA.

Bagi peneroka FELDA, tuntutan PSG akan dibuat berdasarkan dokumen tuntutan IPG peneroka terlibat. Jumlah pembayaran PSG yang dituntut melalui FELDA bagi tempoh 2018 - 2020 adalah sebanyak RM 3,633,781.78. Pecahan mengikut tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan Tuntutan	Bayaran (RM)
2018	30,360	1,317,210.45
2019	13,649	821,650.45
2020	30,623	1,494,920.88
<b>Jumlah</b>	<b>181,622</b>	<b>3,633,781.78</b>

\*Sumber: Bahagian Produktiviti dan Pemasaran RISDA

## RUMUSAN INSENTIF IPG & PSG



## Pengurusan Keselamatan Hasil di FPMSB Wilayah Terengganu

Harga komoditi sawit yang tinggi di pasaran memberikan pulangan yang lumayan kepada pengusaha namun ianya juga menyebabkan hasil kelapa sawit terdedah kepada ancaman ketirisan semasa di ladang dan juga semasa proses penghantaran ke kilang. Jabatan Operasi FELDA Plantation Management Sdn Bhd (FPMSB) telah mempunyai satu prosedur standard operasi (SOP) yang jelas dan lengkap berkaitan pengurusan keselamatan hasil ini untuk dipatuhi oleh pengurusan di wilayah dan projek.



### Carta alir SOP keselamatan BTS:

Carta alir di atas jelas menunjukkan proses yang perlu dilalui bagi memastikan tiada ketirisan hasil semasa penghantaran hasil ke kilang. Antara langkah yang kritikal adalah :


- Mengira tanda di platform bagi memastikan bilangan yang sama dihantar ke kilang dan tiada yang tertinggal di ladang.
- Pemasangan jaring / kanvas bagi memastikan keselamatan BTS dan juga keselamatan pengguna jalan raya. Jaring akan dilekatkan ke badan lori dengan menggunakan rantai yang dimasukkan melalui cincin yang dipasang khas.
- Sebelum meninggalkan ladang, seal keselamatan akan dipasang pada hujung rantai dan direkodkan bagi memastikan muatan tidak ‘diusik’ semasa dalam perjalanan. Seal keselamatan ini hanya akan dibuka oleh sekuriti di kilang.

### Strategi FPMSB Wilayah Terengganu bagi meningkatkan keselamatan BTS

FPMSB Wilayah Terengganu komited menjaga keselamatan BTS berdasarkan SOP yang ada namun beberapa langkah tambahan dibuat mengikut kesesuaian dan keperluan kawasan bagi menangani masalah setempat antaranya :



1 jalan masuk, 1 jalan keluar



#### Penggunaan GPS Tracker

Bagi meningkatkan lagi kawalan keselamatan yang dianjurkan ke kilang, semua lori yang berdaftar dan bekerja di ladang peneroka di bawah pengurusan FPMSB Wilayah Terengganu perlu memasang ‘GPS Tracker’. Tujuan pemasangan alat ini adalah untuk menjelajah kenderaan pengangkutan BTS dari ladang sehingga sampai ke pintu kilang. Pengurusan projek boleh memantau pergerakan kenderaan – kenderaan ini setiap hari dengan menggunakan telefon pintar, ia memberi maklumat awal jika berlaku sebarang insiden yang mencurigakan.

Rekod perjalanan ini boleh disimpan untuk rujukan di masa hadapan sekiranya berlaku pertikaian atau kerugian oleh mana-mana pihak.



#### Susunan tandaan sawit di platform secara melebar

Susunan BTS di platform secara melebar adalah bagi memudahkan SOP pengiraan tandaan dapat dijalankan oleh pemandu dan mandor. Ini bertujuan bagi mendapatkan ketepatan laporan yang diberikan dan seterusnya direkod oleh kerani resit. Kiraan tandaan amat diperlukan bagi memastikan 100% BTS yang dituai dapat dihantar ke kilang tanpa ada yang tertinggal atau dialihkan.

Kawalan keselamatan BTS merupakan tanggungjawab semua pihak yang berkepentingan terutamanya FPMSB. Pelbagai inisiatif yang dilaksanakan bertujuan memastikan segala usaha selama bertahun-tahun untuk mendapatkan hasil BTS yang tinggi akan dapat dinikmati oleh warga peneroka. Barangkali ada inisiatif ini memakan sedikit perbelanjaan namun pulangan yang bakal diperolehi pastinya berbaloi dengan modal yang dilaburkan.

## Bantuan Sepanjang Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Kepada Warga FELDA



Usaha-usaha menggiatkan kempen tentang ‘Memberi Lebih Baik Daripada Menerima’ dan konsep ‘Ambil Apabila Perlu, Beri Apabila Lebih’ adalah pendekatan perubahan minda yang perlu saling dipergiatkan oleh semua pihak, baik di peringkat kakitangan, peneroka dan generasi baharu Felda.

Jabatan Pembangunan Komuniti & Generasi (JPKG) dengan kerjasama Pengurusan Wilayah, Rancangan, Kepimpinan Peneroka serta NGO termasuk MBFM dan KAF saling bekerjasama dalam memastikan kemaslahatan peneroka menjadi agenda utama dalam setiap gerak kerja yang dilaksanakan.

Kempen sedekah RM300 tetap diteruskan sehingga kini dan yang terbaru, ‘Gerobok Makanan’ telah kembali dipergiatkan pelaksanaannya di setiap masjid-masjid rancangan. Jumlah ‘Gerobok Makanan’ yang telah wujud di rancangan adalah seperti berikut:

Bil	Wilayah	Bil. Peneroka	Bil. Rancangan	Gerobok Kongsi Rezeki			Catatan
				Aktif	Dalam Proses	Tidak Aktif	
1	Johor Bahru	17,554	42	23	15	4	
2	Segamat	11,418	34	16	0	16	2 Rancangan Kompleks
3	Raja Alias	16,432	47	12	21	1	13 Rancangan Kompleks
4	Jengka	14,957	37	22	16	1	Jengka 18 & 19 (2 Gerobok)
5	Mempaga	13,119	36	25	11	0	
6	Kuantan	15,050	42	21	17	0	4 Rancangan Kompleks
7	Terengganu	7,459	20	20	0	0	
8	Gua Musang	3,114	11	11	0	0	
9	Alor Setar	4,042	13	13	0	0	
10	Trolak	7,846	21	12	9	0	
11	Sahabat	1,647	7	7	0	0	
<b>Jumlah</b>		<b>112,638</b>	<b>310</b>	<b>182</b>	<b>89</b>	<b>22</b>	

Laporan sehingga 4 Jun 2021

Berikutkan arahan PKP seluruh negara yang dikuatkuasakan bermula 1 Jun 2021, pengaktifan semula Pusat Makanan Komuniti Rancangan (PMKR) juga telah dilaksanakan. Pusat ini bertujuan untuk mengumpul sumbangan yang diterima dari penyumbang yang terdiri daripada warga peneroka, JKRR, GPW, NGO, masjid, agensi kerajaan, pemimpin setempat, kerajaan negeri, syarikat swasta dan lain-lain.

Bermula PKP 1.0 pada 18 Mac 2020 sehingga 31 Mei 2021, FELDA telah memberikan bantuan bernilai sebanyak RM6,950,350.00 kepada warga peneroka. Sumbangan ini diberikan dalam bentuk bantuan makanan asas seperti beras, tepung, minyak masak, makanan kering, makanan basah dan lain-lain.

Bantuan dan sumbangan daripada pelbagai pihak masih diperlukan oleh warga FELDA. Diharapkan semua pihak terutama peneroka, generasi baharu, NGO-NGO FELDA terus mengamalkan konsep bersedekah untuk membantu meringankan beban warga peneroka khususnya dan orang awam umumnya.



## FELDA 'Smart Classroom'



FELDA melalui pelan Transformasi telah melaksanakan inisiatif "FELDA DIGITALIZATION" bagi memangkin pembangunan dan kesejahteraan warga FELDA di tanah rancangan. Selaras dengan Well Formed Outcome (WFO) yang diilhamkan oleh Pengurus FELDA menjelang tahun 2040 FELDA mengambil inisiatif mewujudkan sebuah kelas khas yang dikenali FELDA 'Smart Classroom' di 101 buah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di Kawasan FELDA. Pemilihan 101 buah Sekolah Menengah Kebangsaan di kawasan FELDA bagi menyediakan pelbagai peluang penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) asas dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Majlis pelancaran FELDA 'Smart Classroom' secara virtual dan tertutup telah disempurnakan oleh Menteri Kanan (Pendidikan), di Menara FELDA pada 11 November 2020. Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Lurah Bilut, Bentong merupakan projek perintis Sistem Kelas Pintar FELDA 'Smart Classroom' yang telah dilaksanakan pada tahun 2020. Baki 100 buah sekolah lagi dilaksanakan sepanjang tahun 2021.

### Objektif:

Melahirkan generasi baharu FELDA yang lebih kreatif dan berinovasi serta bersedia menyesuaikan diri arus teknologi baru.

#### Maklumat Balas Sekolah:

(SMK BERAI) FELDA Smart Classroom satu inisiatif yang bagus untuk pelajar belajar dalam suasana yang kondusif dan selesa. Membanding murid-murid yang tidak kemudahan internet di rumah terutama semasa sesi PDP atau mencari bahan untuk kerja kursus.

(SMK FELDA Besut) Alhamdulillah sangat sangat bermauka, terutamanya pelajar lebih berpeluang menggunakan teknologi ICT dalam PdP kerana ada pertambahan unit peralatan ICT yang agak canggih di sekolah ini berbeza dari sebelum ini. Semoga FELDA

TERUS UNGGUL DEMI WARGANYA.

#### Maklumat Balas Pelajar:

(Mohamad Aidiil - SMK Rasau Kerteh BS) Saya sangat berpuas hati dengan kemudahan yang disediakan oleh pihak FELDA untuk membantu pelajar dalam kawasan FELDA bagi meningkatkan kecemerlangan pendidikan terutama generasi baharu FELDA. Terima kasih FELDA.

(Muhammad - SMK Jengka Pusat) Bagi saya FELDA Smart Classroom ini menyediakan kemudahan yang mencukupi dan sangat membantu saya dalam mencari maklumat pembelajaran.

### Perincian peralatan yang dibekalkan

Bil	FELDA
1	9 Unit Komputer
2	1 Unit TV 50 inci
3	18 Unit Meja Trapezium
4	18 Unit Kerusi
5	1 Meja & 1 Kerusi Guru
6	Kelengkapan Kelas (Whiteboard, Marker pen & Duster)
7	Terengganu
8	Gua Musang



## Pakej Projek Program Pembangunan Peneroka Model Komuniti

Pelaksanaan Program Pembangunan Peneroka adalah melalui tiga (3) model iaitu model projek peneroka (komuniti), komersil (rintis) dan model baharu dengan penglibatan Agrobank. Bagi model peneroka (komuniti), penyaluran dana adalah melalui geran terus dengan had siling kelulusan sebanyak RM10,000 per peneroka bagi projek kategori plasma (individu) dan RM2,000 per peneroka bagi projek kategori badan / koperasi.

Sepanjang tahun 2020, pelaksanaan projek adalah berdasarkan permohonan dari Rancangan melibatkan pelbagai jenis aktiviti melalui kategori pertanian, ternakan dan pembangunan infrastruktur setempat. Sehingga Februari 2021, jumlah kelulusan adalah sebanyak RM24 juta melibatkan 130 kelulusan projek. Melalui permohonan-permohonan projek ini, pihak FELDA telah mengambil pendekatan untuk menyenaraikan pendek jenis-jenis aktiviti pertanian yang boleh dimohon bagi membolehkan proses saringan dan pelaksanaan dipercepat, pemantauan lebih efisyen dan memberi ruang untuk pengembangan industri.

Antara kriteria yang diambil kira dalam menyenaraikan pendek aktiviti tersebut termasuk minat peneroka, penggunaan tanah minimal, projek berpendapatan tinggi, kepakaran teknikal FELDA, jaminan pasaran dan pandangan dari agensi-agensi teknikal seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan MARDI. Bermula April 2021, sebanyak lapan (8) pakej dari tujuh (7) jenis aktiviti telah dilancarkan iaitu ternakan arnab pedaging, ayam kampung, lebah madu kelulut dan cili sentil bagi projek plasma (individu) manakala bagi projek koperasi pakej yang disenaraikan adalah arnab pedaging, ayam pedaging, burung walit dan ikan tilapia. Jangkaan tambahan pendapatan peneroka adalah sebanyak RM500 / bulan bagi kategori plasma (individu) dan RM1,000 / tahun bagi kategori koperasi / badan peneroka.

Pakej aktiviti adalah seperti berikut:

Kategori	Jenis	Nilai Pakej
Plasma (Individu)	Arnab Pedaging	RM9,700 / Peneroka
	Ayam Kampung	RM9,500 / Peneroka
	Lebah Madu Kelulut	RM6,600 / Peneroka
	Tanaman Cili Sentil	RM5,000 / Peneroka
Koperasi / Badan Peneroka	Arnab Pedaging	RM140,000 / Paket (Bilangan Peneroka Minima: 70 Orang)
	Ayam Pedaging	RM200,000 / Paket (Bilangan Peneroka Minima: 350 Orang)
	Burung Walit	RM250,000 / Paket (Bilangan Peneroka Minima: 125 Orang)
	Ikan Tilapia	RM240,000 / Paket (Bilangan Peneroka Minima: 120 Orang)

Sehingga Mei 2021, jumlah kelulusan projek melalui pakej-pakej ini adalah sebanyak 45 kelulusan dengan nilai keseluruhan sebanyak RM10.06 juta. Borang permohonan dan maklumat lanjut boleh diperoleh melalui Pejabat Rancangan FELDA.